PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MALAYSIA

KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN

BUKU TEKNIKAL

Updated version 01.11.2026

Bahagian 1 - KATEGORI

1.0 OBJEKTIF

1.1
Buku undang-undang ini adalah sebagai rujukan bagi **Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan** di bawah Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM).

1.2
Segala panduan dan peraturan di dalam ini adalah terpakai untuk Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan sahaja.

1.3
Sekiranya terdapat perkara yang tidak dinyatakan di dalam panduan ini, maka Persatuan Memanah Tradisional Negeri atau penganjur kejohanan berhak memutuskan perkara tersebut dengan persetujuan panel kejohanan yang dilantik oleh persatuan negeri / penganjur kejohanan sendiri.

2.0 KATEGORI PERTANDINGAN

2.1
Kategori pertandingan yang dinyatakan di bawah adalah bagi kejohanan rasmi peringkat kebangsaan di bawah TAAM.

2.1.1
Kategori Dewasa
i. Dewasa Lelaki - 18 tahun ke atas
ii. Dewasa Wanita - 18 tahun ke atas

2.1.2
Kategori Remaja
i. Remaja Lelaki - Bawah 17 tahun (16 – 17 tahun)
ii. Remaja Perempuan - Bawah 17 tahun (16 – 17 tahun)
iii. Remaja Lelaki - Bawah 15 tahun (13 – 15 tahun)
iv. Remaja Perempuan - Bawah 15 tahun (13 – 15 tahun)

2. 1. 3
Kategori Cilik
i. Cilik Lelaki - Bawah 12 tahun
ii.Cilik Perempuan - Bawah 12 tahun

2.1.4
Kategori Berpasukan (Trio)
i. Cilik Lelaki - Bawah 12 tahun (minimum 7 tahun mengikut tahun semasa)
ii. Cilik Perempuan - Bawah 12 tahun (minimum 7 tahun mengikut tahun semasa)
iii. Remaja Lelaki - Bawah 15 tahun (13 – 15 tahun)
iv. Remaja Perempuan - Bawah 15 tahun (13 – 15 tahun)
v. Remaja Lelaki - Bawah 17 tahun (16 – 17 tahun)
vi. Remaja Perempuan - Bawah 17 tahun (16 – 17 tahun)
vii. Dewasa Lelaki - 18 tahun ke atas
viii. Dewasa Wanita - 18 tahun ke atas

2.2
Kategori di atas adalah bagi kejohanan rasmi TAAM.
Selain dari kategori yang dinyatakan pada fasal 2.1, pihak penganjur berhak untuk menjalankan pertandingan dalam kategori lain yang dirasakan sesuai.

3.0 SYARAT PENYERTAAN

3.1 SYARAT KELAYAKAN

3.1.1
Penyertaan bagi **Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan** adalah terhad kepada pasukan negeri sahaja dan pendaftaran hanya dibuat oleh pengurus pasukan negeri masing-masing bersama dengan lampiran borang yang mengandungi maklumat seperti berikut :

- Nama Penuh, No Kad Pengenalan, Kategori, Nama Kelab, No Pendaftaran Kelab.
- No Pendaftaran sama ada peringkat Kelab, Daerah atau Negeri.

3.1.2
Kategori Dewasa (18 tahun ke atas)
Setiap kontinjen negeri hanya dibenarkan menghantar maksima 10 orang pemanah bagi setiap kategori individu, dengan jumlah maksima seramai 20 orang atlet sahaja.

3.1.3
Kategori Cilik dan Remaja (bawah 12, 15 dan 17 tahun)
Setiap kontinjen negeri hanya dibenarkan menghantar maksima 4 orang pemanah bagi setiap kategori individu, dengan jumlah maksima seramai 24 orang atlet sahaja.

3.2 SYARAT UMUR

3.2.1
Seorang atlet boleh mengambil bahagian dalam kategori 12 tahun dan ke bawah apabila kejohanan berlangsung pada tahun hari jadinya yang ke-12 atau sebelumnya.

3.2.2
Begitu juga penilaian had kelayakan syarat umur bagi kategori 15 dan 17 tahun mengikut kategori umur masing-masing.

3.2.3
Bagi kategori dewasa, pasukan negeri boleh menghantar atlet di bawah umur 18 tahun sekiranya sesuai dengan syarat iaitu tidak kurang dari umur 15 tahun.

4.0 YURAN

4.1 YURAN PENYERTAAN

4.1.1
RM 60 bagi setiap peserta untuk semua kategori.

4.1.2
Bagi **Kategori Remaja & Cilik**, jika satu-satu pasukan negeri menghantar pasukan penuh, jumlah yuran adalah RM 60 x 24 orang - RM 1,440/ pasukan.

Bagi **Kategori Dewasa**, jika satu-satu pasukan negeri menghantar pasukan penuh, jumlah yuran adalah RM 60 x 20 orang - RM 1,200/ pasukan.

4.1.3
Namun begitu, pasukan tidak wajib menghantar jumlah penuh. Oleh yang demikian, jumlah yuran setiap pasukan bergantung kepada jumlah atlet / pasukan.

4.2 MAKLUMAT PEMBAYARAN YURAN
Sila buat pembayaran yuran kepada akaun penganjur / persatuan yang sah.

4.2.1
Bagi Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan anjuran TAAM, pembayaran yuran boleh dibuat ke akaun berikut :

MAYBANK
5620 8565 0020
PERSATUAN MEMANAH TRADISIONAL MALAYSIA

Bahagian 2 - FORMAT

5.0 FORMAT KEJOHANAN

5.1 FORMAT TAAM - INDIVIDU - DEWASA

5.1.1
Pemanah perlu melepaskan 6 batang anak panah bagi setiap end. Terdapat 3 pusingan, dengan jarak yang berbeza bagi setiap pusingan.

- Pusingan 1 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 50 meter
- Pusingan 2 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 40 meter, **dan**
- Pusingan 3 : 6 anak panah X 5 end pada jarak 30 meter

5.1.2
Masa bagi setiap end adalah 120 saat sahaja.
Setiap pemanah berdiri secara "Centre of Body" di garisan memanah.

5.1.3
Kedudukan akhir (Final Ranking) pemanah ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah 90 batang anak panah / tamat ketiga-tiga pusingan.

5.1.4
Tiada pusingan Kalah Singkir (Elimination Round / ER) bagi format TAAM - Individu.

5.2 FORMAT TAAM - INDIVIDU - REMAJA & CILIK

5.2.1
Pemanah perlu melepaskan 6 batang anak panah bagi setiap end.
Terdapat 12 end (6 end x 2 pusingan), dengan jarak seperti berikut:

i. B17 - Putera & Puteri
- 6 anak panah x 12 end pada jarak 30 meter

ii. B15 - Putera & Puteri
- 6 anak panah x 12 end pada jarak 25 meter

iii. B12 - Putera & Puteri
- 6 anak panah X 12 end pada jarak 20 meter

5.2.2
Masa bagi setiap end adalah 120 saat sahaja.
Setiap pemanah berdiri secara "Centre of Body" di garisan memanah.

5.2.3
Kedudukan akhir (Final Ranking) pemanah ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah 72 batang anak panah / tamat 2 pusingan / 12 end.

5.2.4
Tiada pusingan Kalah Singkir (Elimination Round / ER) untuk kejohanan ini.

5.3 FORMAT TAAM - BERPASUKAN - DEWASA

5.3.1
Setiap pasukan terdiri dari tiga orang pemanah sahaja.

5.3.2
Setiap negeri / pasukan dibenarkan menghantar 3 pasukan lelaki dan 3 pasukan wanita. (Anak panah bebas)

5.3.3
Setiap seorang pemanah di dalam pasukan perlu melepaskan 6 batang anak panah bagi end masing-masing. Terdapat 3 jarak yang berbeza bagi setiap pusingan.

Pusingan 1 :

- Pemanah 1 : 6 anak panah pada jarak 30 meter
- Pemanah 2 : 6 anak panah pada jarak 40 meter, **dan**
- Pemanah 3 : 6 anak panah pada jarak 50 meter
- Setiap pusingan bermula dengan panahan pada jarak 30meter – 40meter – 50meter
- Para pemanah perlu menamatkan **5** pusingan.

5.3.4
Masa bagi setiap end (6 anak panah) adalah 120 saat sahaja.

5.3.5
Kedudukan akhir (Final Ranking) pasukan ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah tamat semua pusingan.

5.3.6
Tiada pusingan Kalah Singkir (Elimination Round / ER) bagi format TAAM - Berpasukan.

5.3.7
Hanya pemanah yang menyertai kategori individu sahaja yang dibenarkan untuk menyertai kategori berpasukan.

5.4 FORMAT TAAM - BERPASUKAN - REMAJA & CILIK

5.4.1
Setiap negeri / pasukan dibenarkan menghantar :
- Satu pasukan B17 Putera
- Satu pasukan B17 Puteri
- Satu pasukan B15 Putera
- Satu pasukan B15 Puteri
- Satu pasukan B12 Putera, dan
- Satu pasukan B12 Puteri

5.4.2
Setiap pasukan terdiri dari tiga orang pemanah sahaja bagi setiap kategori

5.4.3
Setiap seorang pemanah di dalam pasukan perlu melepaskan 3 batang anak panah bagi end masing-masing.

Terdapat **5 end**, untuk end pertama :
- Pemanah A : 3 anak panah
- Pemanah B : 3 anak panah
- Pemanah C : 3 anak panah,

jumlah 9 anak panah. Begitulah juga untuk **end kedua hingga kelima.**

5.4.4
Masa bagi setiap end (9 anak panah) adalah 180 saat sahaja untuk ketiga-tiga pemanah.

5.4.5
Kedudukan akhir (Final Ranking) pasukan ditentukan berdasarkan jumlah mata setelah tamat kelima-lima end.

5.4.6
Tiada pusingan Kalah Singkir (Elimination Round / ER) bagi format berpasukan.

5.4.7
Hanya pemanah yang menyertai kategori individu sahaja yang dibenarkan untuk menyertai kategori berpasukan.

6.0 SASARAN DAN MUKA SASARAN (TARGET FACE)

6.1 FORMAT TAAM

6.1.2
Target Face Rasmi TAAM - Diameter 80cm seperti gambarajah di bawah.



- Format markah - 5, 4, 3, 2 dan 1
- Tinggi target face dari tanah adalah antara 160cm-165cm, diukur dari puncak segitiga merah ke tanah.

6.2 PERATURAN PEMARKAHAN

6. 2. 1
Setiap pemanah perlu mengisi sendiri scorecard yang disediakan sewaktu pertandingan.

- **Pemanah A** akan membaca markah, **Pemanah B** akan menulis markah di scorecard, **Pemanah C** memastikan markah yang dibaca oleh pemanah A adalah betul, dan **Pemanah D** memastikan markah yang ditulis oleh pemanah B adalah betul.
- Sekiranya lebih daripada 4 pemanah mereka akan menjadi saksi pemarkahan diambil.

6.2.2
- Setiap **Markah 1** perlu di bulatkan di scoresheet masing-masing.
- Anak panah yang menyentuh **garisan (cut line)**, markah tertinggi akan diambil kira. (Sila rujuk kepada Hakim bertugas untuk kepastian).
- Sekiranya **jumlah markah sama**, jumlah 5 terbanyak akan dikira menang, dan jika sekiranya sama juga, bilangan 4 pula diambil kira dan sekiranya masih sama, **"shoot off"** 1 anak panah yang paling hampir dengan puncak 5 dikira menang.

- Sekiranya pemanah tidak memanah pada mana-mana end, tanpa memaklumkan pada pegawai (Director of Shoot / Hakim) bertugas, dikira sebagai miss semua anak panah pada end tersebut.
- Sekiranya pemanah telah berada di shooting line, tetapi terpaksa meninggalkan shooting line atas sebab-sebab yang dipersetujui oleh pegawai bertugas, maka, tambahan masa akan diberikan kepada pemanah tersebut.

6.2.4

Penalti -

- Anak panah yang dilepaskan sebelum bunyi penanda mula, dikira penalti.
- Anak panah yang dilepaskan setelah bunyi penanda akhir.
- Melepaskan lebih dari bilangan yang dibenarkan setiap end.

Bagi setiap satu penalti di atas, tolak markah bagi satu anak panah tertinggi.

6.2.5

- Sekiranya anak panah melantun (bounce) kerana mengenai anak panah yang lain dan terdapat tanda pada anak panah yang terkena itu (contoh : nock pecah) maka, markah akan diberi mengikut anak panah yang terkena / bertanda tersebut.
- Anak panah melantun tanpa apa-apa tanda ataupun saksi dari pemanah lain / hakim bertugas semasa kejadian, markah tidak akan dikira.
- Anak panah yang tembus (through) tanpa apa-apa tanda ataupun saksi dari pemanah lain / hakim bertugas semasa kejadian, markah tidak akan dikira.
- Setiap lubang panahan pada target face perlu ditanda.

6.3 **HADIAH**

Pihak persatuan negeri / penganjur kejohanan berhak menentukan jumlah dan bentuk hadiah yang akan diberi.

6.3.1

Berikut adalah senarai pingat yang ditawarkan bagi setiap kategori :

	KATEGORI			
BIL	DEWASA	EMAS	PERAK	GANGSA
1	Dewasa Lelaki 50m	1	1	1
2	Dewasa Lelaki 40m	1	1	1
3	Dewasa Lelaki 30m	1	1	1
4	Dewasa Wanita 50m	1	1	1
5	Dewasa Wanita 40m	1	1	1
6	Dewasa Wanita 30m	1	1	1

7	Keseluruhan Dewasa Lelaki (50m+40m+30m) - Anak panah bebas	1	1	1
8	Keseluruhan Dewasa Lelaki (50m+40m+30m) - Anak panah alami	1	1	1
9	Keseluruhan Dewasa Wanita (50m+40m+30m) - Anak panah bebas	1	1	1
10	Keseluruhan Dewasa Wanita (50m+40m+30m) - Anak panah alami	1	1	1
11	Berpasukan (Trio) Lelaki	1	1	1
12	Berpasukan (Trio) Wanita	1	1	1
	JUMLAH	**12**	**12**	**12**
	PIALA PUSINGAN	**Juara Keseluruhan Dewasa / Negeri Terbaik (Pingat Emas Paling Banyak)**		

KATEGORI				
BIL	**CILIK & REMAJA**	**EMAS**	**PERAK**	**GANGSA**
1	Cilik Lelaki B12	1	1	1
2	Cilik Perempuan B12	1	1	1
3	Remaja Lelaki B15	1	1	1
4	Remaja Perempuan B15	1	1	1
5	Remaja Lelaki B17	1	1	1
6	Remaja Perempuan B17	1	1	1
7	Berpasukan Lelaki B12	1	1	1
8	Berpasukan Perempuan B12	1	1	1
9	Berpasukan Lelaki B15	1	1	1
10	Berpasukan Perempuan B15	1	1	1
11	Berpasukan Lelaki B17	1	1	1
12	Berpasukan Perempuan B17	1	1	1
	JUMLAH	**12**	**12**	**12**
	PIALA PUSINGAN	**Juara Keseluruhan Remaja & Cilik / Negeri Terbaik (Pingat Emas Paling Banyak)**		

6.3.2
Juara Keseluruhan akan ditentukan berdasarkan kutipan emas terbanyak. Jika seri, maka akan berdasarkan kepada pungutan pingat perak dan seterusnya gangsa.

6.3.3
Piala Pusingan akan diberi bagi :

1. **Juara Keseluruhan Kategori Dewasa**
2. **Juara Keseluruhan Kategori Cilik Remaja**
3. **Juara KMTK tahun berkenaan**

(pungutan pingat emas tertinggi bagi Kategori Dewasa, Remaja dan Cilik)

Bahagian 3 - PERALATAN

7.0 PERATURAN PERALATAN

Bahagian ini menerangkan jenis peralatan yang dibenarkan untuk digunakan oleh atlet semasa memanah dalam kejohanan ini. Adalah menjadi tanggungjawab atlet untuk menggunakan peralatan yang mematuhi peraturan. Mana-mana atlet yang didapati menggunakan peralatan yang melanggar peraturan ini akan menyebabkan markahnya dibatalkan.

Semua peralatan yang digunakan sewaktu pertandingan termasuk *"back up / spare"* wajib lulus pemeriksaan alatan pada hari pertandingan.

EQUIPMENT REGULATIONS

This section outlines the types of equipment permitted for use by athletes during this competition. It is the responsibility of each athlete to ensure that their equipment complies with these regulations. Any athlete found using equipment that violates these rules will have their scores disqualified.

All equipment used during the competition, including backups/spares, must pass equipment inspection on the day of the competition.

7.1

BUSUR - Apa-apa jenis busur tradisional dengan syarat ia mematuhi makna biasa perkataan "busur tradisional' seperti yang digunakan dalam memanah sasaran.

BOWS

Any type of traditional bow is allowed, provided it complies with the commonly accepted definition of a "traditional bow" as used in target archery.

7.1.2

Busur one piece atau two piece / take down dibenarkan.

One-piece or two-piece/take-down bows are permitted.

7.1.3

Bahan bebas

Materials used are not restricted.

7.1.4

Sight window, shelf rest dan arrow rest tidak dibenarkan.

Sight windows,shelf rests,and arrow rests are not allowed.

7.1.5
Tidak mempunyai alat atau tanda yang membantu bidikan pada tali dan limb.
Tiada sebarang stiker di bahagian dalam busur.
No devices or markings on the string or limbs that aid in aiming are allowed.
There are no stickers on the inside of the bow.

7.1.6
Stabilizer, damper dan pemberat tambahan tidak dibenarkan termasuk pemberat yang dipakai di tangan.
Stabilizers, dampers and additional weights are not allowed, including hand-worn weights .

7.1.7
Arrow pass minimum 15mm
The minimum arrow pass (window) must be 15mm.

7.1.8
Busur dihasilkan oleh pembuat busur (bowyer) sebagai busur tradisional, bukan dihasilkan daripada busur / bahagian-bahagian busur moden (recurve) yang diubahsuai / dimodifikasi supaya menyamai ciri-ciri busur tradisional.
The bow must be made by a bowyer as a traditional bow. It must not be a modern(recurve) bow or parts of a modern bow that have been modified to resemble traditional features.

7.1.9
Pemanah tidak dibenarkan menggunakan busur yang berbeza sewaktu pertandingan. Contoh; Busur A untuk jarak 30 meter, dan busur B untuk jarak 50 meter. Namun begitu, pemanah dibenarkan menukar busur sekiranya busur rosak ketika pertandingan. Pemanah perlu menyiapkan semua peralatan (termasuk spare) sebelum pertandingan dimulakan.
Archers are not allowed to use different bows during the competition. For example, using Bow A for 30 meters and Bow B for 50 meters is not permitted. However, archers may change their bow if it is damaged during the competition. All equipment, including spares, must be prepared before the competition begins.

7.1.10
Masa tambahan diberikan akibat kerosakan alatan mengikut jumlah anak panah yang belum dilepaskan.
Extra time will be given for equipment-related issues for numbers of arrows not released.

7.2
TALI BUSUR / STRING - Semua jenis tali busur yang sesuai dan selamat digunakan untuk busur tradisional adalah dibenarkan.
***BOWSTRING** - All types of bowstrings that are suitable and safe for use with traditional bows are permitted.*

7.2.1
Semua jenis warna untuk tali busur dibenarkan.
All colors of bowstrings are allowed.

7.2.2
Tiada sebarang tanda pada tali busur yang boleh dianggap sebagai membantu bidikan.
No markings on the bowstring are allowed if they can be interpreted as aiding in aiming.

7.2.3
Penanda bibir dan hidung (kisser / nose button) tidak dibenarkan.
Lip and nose markers (kisser buttons / nose buttons) are not permitted.

7.2.4
Satu atau dua penanda anak panah (knocking point) dibenarkan. Jika dua nocking point digunakan, jarak antara keduanya mestilah tidak lebih dari lebar nock anak panah yang digunakan.
One or two nocking points are allowed. If two nocking points are used, the distance between them must not exceed the width of the arrow nock being used.

7.2.5
Penyenyap bunyi (string silencer) dibenarkan.
String silencers are permitted.

7.3
ANAK PANAH - mematuhi maksud biasa perkataan "anak panah" seperti yang digunakan dalam memanah sasaran dan tidak menyebabkan kerosakan yang tidak wajar pada sasaran.
***ARROWS** must comply with the commonly accepted definition of the word "arrow" as used in target archery and must not cause unreasonable damage to the target.*

7.3.1
JENIS ANAK PANAH
Penggunaan Anak panah bebas adalah dibenarkan bagi Format TAAM Kategori Dewasa.
The use of all types of Arrows (carbon or natural) is allowed for the adult category TAAM format.

7.3.2
Batang (shaft) anak panah hybrid (contoh kayu + carbon atau lain-lain seumpamanya, tidak dibenarkan)
Hybrid arrow shafts (e.g., wood + carbon or similar combinations) are not permitted.

7.3.3
Bagi kategori dewasa, penggunaan extension / adapter dibenarkan / insert untuk mata anak panah
For the adult category, the use of extensions / adapters / inserts for arrowheads is permitted.

7.3.4
Mata anak panah boleh ditukar-tukar sepanjang kejohanan.
Arrow points can be exchanged throughout the tournament

7.3.5
Sebarang jenis hiasan (cresting) pada batang anak panah dibenarkan dengan syarat ianya tidak melebihi ukuran 22cm ke arah mata anak panah diukur dari nock.
Any type of decoration (cresting) on the arrow shaft is permitted provided that it does not exceed 22 cm toward the arrowhead measured from the nock.

7.3.6
Tiada sebarang tanda pada batang anak panah yang boleh digunakan sebagai penanda ukuran tarikan.
There must be no markings on the arrow shaft that can be used as draw length references.

7.3.7
Semua jenis mata anak panah (point) dibenarkan kecuali mata panah lebar (broadhead) dan yang mengeluarkan bunyi wisel)
All types of arrow heads (points) are allowed except broadheads. The arrow head length must not exceed 5 cm.

7.3.8
Bagi kategori dewasa, untuk anak panah alami hanya self-nock dan nock semula jadi sahaja dibenarkanpenggunaannya. Nock plastik dilarang sama sekali.
Bagi nock yang bukan self-nock, ia hendaklah dilekatkan secara tetap pada shaft.
For the adult category, only self-nocks and natural nocks are permitted. Plastic nocks are strictly prohibited.
For nocks that arenot self-nocks, they must be permanently affixed to the shaft.

7.3.9
Hanya sayap (fletcher) jenis bulu / alami dibenarkan. Jenis dan warna fletcher yang digunakan mestilah seragam antara satu anak panah dengan anak panah yang lain. Fletcher plastik tidak di benarkan.
Only feather / natural fletching is allowed.The type and color of fletching must be consistent across all arrows used

7.3.10
Semua anak panah perlu ditanda dengan singkatan nama pemanah (initial) di kawasan yang sesuai pada batang anak panah.
All arrows must be marked with the archer's initials at a suitable location on the shaft.

7.3.11
Tandaan selain nama tidak dibenarkan. (Contoh : nombor / simbol / tulisan pada anak panah)
No other markings are allowed. (Examples: numbers, symbols, or writing on the arrow).

7.3.12
Pemanah tidak dibenarkan menggunakan anak panah yang berbeza bagi jarak yang berlainan sewaktu pertandingan. Contoh; Anak panah set 1 untuk jarak 30 meter, dan set 2 untuk jarak 50 meter.
Archers are not allowed to use different sets of arrows for different distances during the competition. Example: Set 1 for 30 meters and Set 2 for 50 meters is not permitted.

7.4
PELINDUNG JARI - Semua jenis pelindung jari dalam bentuk cincin ibu jari (thumb ring), pita (tape), sarung tangan, tab jari atau gabungan pelindung tersebut yang diguna untuk menarik dan melepaskan tali busur dibenarkan, dengan syarat tiada penggunaan sebarang peranti tambahan yang membantu atlet menarik dan melepaskan tali busur.
***FINGERPROTECTION** - All types of finger protection used for drawing and releasing the bowstring - such as thumb rings, tape, gloves, finger tabs, or any combination thereof - are permitted, provided that no additional devices are used to assist the archer in drawing and releasing the bowstring.*

7.4.1
Penggunaan tab jari (finger tab) bertanda (hash marks) tidak dibenarkan.
Finger tabs with markings (hash marks) are not allowed.

7.4.2
Penggunaan peranti mekanikal (mechanical release) semasa pelepasan anak panah tidak dibenarkan.
Use of mechanical release devices during arrow release is not allowed.

7.5
AKSESORI MEMANAH - termasuk pelindung lengan, pelindung dada, baju zirah, baju perisai, tali pinggang, bengkung dan lain-lain aksesori badan dibenarkan dengan syarat ia tidak menimbulkan halangan kepada atlet lain di garisan panahan (shooting line).
***ARCHERY ACCESSORIES** - Includes arm guards, chest protectors, body armor, belts, sashes, and other body accessories. These are allowed provided that they do not pose an obstacle to other athletes on the shooting line.*

7.5.1
Penggunaan tabung anak panah di atas tanah (arrow tube) sewaktu di shooting line tidak dibenarkan. Semua peserta wajib memakai tarkas (quiver) sewaktu berada di garisan panahan (shooting line).
Use of arrow tubes placed on the ground at the shooting line is not allowed. All participants must wear a quiver when at the shooting line.

7.5.2
Penggunaan finger sling / wrist sling tidak dibenarkan.
Use of finger slings or wrist slings is not allowed.

7.5.3
Penggunaan teropong, skop dan alat bantu visual lain hanya dibenarkan di kawasan belakang garisan menunggu (waiting line) sahaja. Penggunaan penutup mata (eye patch), cermin mata preskripsi (rabun) dibenarkan. Cermin mata menembak tidak dibenarkan.
Use of binoculars, scopes, or other visual aids is only permitted behind the waiting line. Use of eye patches and prescription glasses (for vision correction) is allowed. Shooting glasses are not allowed.

7.5.4
Tidak dibenarkan menanda bahagian tertentu di muka, anggota badan, pakaian dan alatan sebagai panduan jarak, tarikan dan bidikan semasa memanah.
Marking any part of the face, body, clothing, or equipment as a guide for aiming, draw length, or distance estimation is not allowed.

7.6
PAKAIAN - yang bersesuaian dengan sukan memanah tradisional dan cuaca setempat.
***Clothing** must be suitable for traditional archery sports and appropriate to the local weather conditions .*

7.6.1
Pakaian dan alatan Camo tidak dibenarkan.
Camo-pattern clothing and equipment are not allowed.

7.6.2
Seluar Jeans tidak dibenarkan.
Jeans are not allowed.

7.6.3
Semua pemanah wajib memakai kasut yang menutupi keseluruhan kaki dari buku lali kebawah dibenarkan. Pemakaian capal, sandal dan kasut bentuk Croc tidak dibenarkan.
All archers must wear shoes that cover the entire foot from the ankle downward. Wearing slippers, sandals, or Croc-style shoes is not allowed.

Bahagian 4 - AM

8.1
Selain daripada tertakluk kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam buku ini, pihak penganjur berhak menghalang pemanah dari memanah di hari pertandingan sekiranya didapati membahayakan diri serta pemanah lain sewaktu memanah.

8.2
Kejadian luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan akan diputuskan oleh Ketua Hakim bertugas dan Jawatankuasa Teknikal yang dilantik oleh penganjur.

8.3
Sebarang keputusan yang dibuat oleh Hakim dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

8.4
Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja).

8.4.1
Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

8.4.2
Setiap bantahan hendaklah dihantar dalam masa 30 minit selepas keputusan diumumkan.

8.5
Rekod Kebangsaan akan diiktiraf bagi kejohanan ini bagi format TAAM Individu yang menggunakan anak panah alami / natural sahaja.

8.6
Ranking pemanah di peringkat kebangsaan akan ditetapkan berdasarkan pencapaian di kejohanan TAAM.

8.7
Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM) dan Persatuan Memanah Tradisional Negeri tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung. Ini termasuk kehilangan harta benda, peralatan pertandingan serta perjalanan dari rumah ke lokasi kejohanan dan ke rumah.

Dokumen ini disediakan oleh :

Persatuan Memanah Tradisional Malaysia (TAAM)
sebagai panduan teknikal untuk
Kejohanan Memanah Tradisional Kebangsaan (KMTK).

Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah tepat pada tarikh penyediaannya, namun tertakluk kepada perubahan berdasarkan keperluan semasa, keputusan penganjur kejohanan, dan faktor-faktor lain yang berkaitan.

Persatuan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang salah tafsir, kerugian, atau implikasi kewangan yang timbul akibat penggunaan dokumen ini tanpa rujukan lanjut. Sebarang keputusan yang dibuat berdasarkan dokumen ini adalah di bawah tanggungjawab pihak yang berkenaan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada pihak :

JAWATANKUASA TEKNIKAL & PERTANDINGAN
Persatuan Memanah Tradisional Malaysia
Traditional Archery Association of Malaysia